



Pacu mahasiswa holistik

Adakah kita sedar kadar pengangguran dalam kalangan siswazah di negara kita semakin bertambah, Adakah kita tahu punca permasalahan ini? Adakah kita tahu jalan penyelesaian bagi mengelekakan perkara itu daripada terus berlaku?

Dalam memacu agenda negara ke arah Wawasan 2020, kadar pengangguran negara sepatutnya berada pada tahap menghampiri sifar.

Namun, sebaliknya terdapat

161,000 siswazah dalam kalangan belia, iaitu individu berumur dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun yang sedang menganggur walaupun sudah enam bulan tamat pengajian.

Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama universiti tempatan ralit 'menye longkar' punca kemelut itu dan hasilnya sungguh menggemparkan.

Graduan kita bukan tidak cemerlang, malah ramai yang bergraduat dengan kelayakan ijazah kelas pertama, tetapi masa-

lah kronik yang berlaku kepada graduan kita pada hari ini ialah lokek kemahiran insaniah.

Graduan milenium

Zaman beralih, musim bertukar, graduan era milenium bukan lagi diukur menerusi nilai Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) dan kedudukan universiti semata-mata.

Pembangunan kendiri yang ada dalam diri mahasiswa perlu bergerak seiring dengan akademik dalam memacu mahasiswa yang holistik.

PNGK hanyalah syarat untuk melayakkkan graduan menghadiri temu duga dan yang mengelehannya adalah segala kemahiran yang ditonjolkan oleh graduan berkenaan sepanjang sesi temu duga.

Saya berpendapat pemupukan kemahiran ini sepatutnya dibajai selagi seseorang itu masih bergelar pelajar, sama ada pada peringkat sekolah mahupun universiti.

Jangan sesekali memberikan kesedaran ini hanya wujud apabila berada di

hujung pengajian kerana di kuatir terlambat berikutan implementasi teori dan konsep memerlukan masa yang panjang sebelum sebat dalam diri untuk diperaktikkan.

Mengejar segala kemahiran dalam tempoh masa yang singkat harus dielakkan agar senario 'yang dikehjarn tak dapat, yang dikendong berciciran' tidak berlaku.

Kita seharusnya sedar sebenarnya kita sungguh berlalu kerana pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan hal ini, antaranya, peluang yang disediakan oleh pengurusan universiti.

Kehendak pasaran

Contohnya, Universiti Putra Malaysia melancarkan produk seperti Kursus Kokurikulum Berkredit, Kursus Permulaan Graduan dan Kursus Keterampilan Graduan di bawah seliaan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar bagi mencapai hasrat untuk menghasilkan pelajar universiti yang berke terampilan, kompetitif dan mampu untuk terus maju.

Program seumpama ini dirangka bagi memenuhi keperluan nilai dan kemahiran pelajar supaya memenuhi kehendak pasaran semasa. Program itu diharap dapat membantu graduan membuat persediaan rapi sebelum menerjah ke alam pekerjaan, seterusnya meningkatkan tahap kebo-

"

MENGEJAR SEGALA KEMAHIRAN DALAM TEMPOH MASA YANG SINGKAT HARUS DIELAKKAN AGAR SENARIO 'YANG DIKEJAR TAK DAPAT, YANG DIKENDONG BERCICIRAN' TIDAK BERLAKU."

lepasaran dan potensi graduan ke peringkat lebih tinggi.

Saya sebagai pemimpin mahasiswa pada peringkat universiti berasa terpanggil untuk menyeru semua mahasiswa agar menggunakan segala peluang yang ada sebaik mungkin.

Mulakan misi meningkatkan kualiti diri dengan mencapai prestasi akademik cemerlang dan sahsiah terbilang bagi menjamin masa depan yang cerah.



Pelajar perlu membuat persediaan rapi **sebelum menerjah ke alam pekerjaan**.

GAMBAR HIASAN.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my